

Cadangan tambah projek Smart

GAMUDA Bhd, yang menjalin usaha sama dengan MMC Corporation Bhd membina Pengurusan Arus Deras dan Terowong Jalan Raya (Smart) dwi-kegunaan, mungkin mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk membina projek serupa di kawasan lain di Malaysia.

Smart Sdn Bhd, konsortium menguruskan projek Smart Kuala Lumpur, dimiliki secara 50:50 oleh Gamuda dan MMC.

Pengarah Eksekutif Smart, Datuk Azmi Mat Nor, berkata syarikat masih mengkaji prospek menjalankan (projek Smart) di kawasan lain di Malaysia dan negara asing.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan media ke laluan kenderaan Smart di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, yang melawat projek berkenaan sebelum itu, berkata kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan membina Smart di kawasan lain di negara ini, jika masa dan keadaan memerlukan.

Mengulas mengenai pendapatan daripada projek itu, Azmi berkata syarikat menjangkakan beberapa kesan positif, dan pada masa sama sedia maklum bahawa perniagaan tol adalah perniagaan jangka masa panjang.

"Seperti lebuh raya lain, dalam tempoh beberapa tahun pertama, jumlah lalu lintas tidak akan tinggi. Ia bergantung kepada lalu lintas," katanya.